

## 8 RAHSIA PRAKTIKAL CEPAT PANDAI: KUASA ILMU INI UNTUK MUDAH KUASAI ILMU LAIN

**Penulis:**

Mas Fawzi

**Emel:**

fawzi@uthm.edu.my

**Abstrak:** Kuasai ilmu ini untuk mudah kuasai ilmu lain. Apa juga matlamat awak, 8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai ini akan membantu awak belajar dengan lebih cekap dan lebih cepat. Rahsia-rahsia ini akan membantu awak menyelesaikan masalah dalam pembelajaran, seperti kurang faham, hilang tumpuan atau fokus, lambat belajar, mudah lupa selepas belajar, kurang minat belajar, tak cukup masa untuk belajar, dan lain-lain.

Belajar bagaimana:

- memanfaatkan tempoh belajar;
- belajar secara aktif;
- ambil nota dengan lebih berkesan;
- kekalkan fokus atau tumpuan;
- motivasikan diri untuk belajar;
- ulangkaji yang berkesan; susun jadual belajar;
- menghayati apa yang dipelajari; belajar dengan seronok;
- ...dan banyak lagi

8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai akan mengubah persepsi proses pembelajaran dari biasa-biasa kepada luar biasa. Ia akan bantu awak kuasai apa-apa ilmu dengan lebih cekap dan lebih cepat; bagi membantu awak mencapai apa-apa juga impian atau matlamat yang awak kehendaki.

**Kata Kunci:** Praktikal, matlamat, masalah, menghayati, berkesan

Kuasai ilmu ini  
untuk MUDAH!  
kuasai ilmu lain



# 8 Rahsia Praktikal



# CEPAT PANDAI



MAS FAWZI

  
Penerbit  
UTHM

Kuasai ilmu ini  
untuk MUDAH  
kuasai ilmu lain •

# 8 Rahsia Praktikal

# CEPAT PANDAI

Kuasai ilmu ini  
untuk MUDAH  
kuasai ilmu lain •

# 8 Rahsia Praktikal

# CEPAT PANDAI

MAS FAWZI

  
Penerbit  
**UTHM**  
2023

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:  
MAS FAWZI

Diterbit & dicetak oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [Pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:Pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7566-31-3

# KANDUNGAN

<i>Prakata</i> .....	<i>xi</i>
<b>BAB 1: PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
Belajar jadi pandai belajar	1
Cepat bertindak 1.1	4
Bagaimana nak gunakan buku ini	4
Cepat bertindak 1.2	5
Kenapa saya tulis buku ini	5
Cepat bertindak 1.3	9
Siapa yang harus membaca buku ini	9
Cepat bertindak 1.4	10
Nilai dan harga buku ini	10
Cepat bertindak 1.5	12
<b>BAB 2: TAK SUSAH</b> .....	<b>15</b>
Betulkah belajar itu susah?	15
Cepat bertindak 2.1	17
Manusia vs Superkomputer	18
Cepat bertindak 2.2	20
Syarat belajar	20
Cepat bertindak 2.3	22
Nak cepat pandai	23
Cepat bertindak 2.4	24

<b>BAB 3: RAHSIA PERTAMA - TEMPOH.....</b>	<b>27</b>
Panjang atau pendek	27
Cepat bertindak 3.1	28
Kesan Zeigarnik	30
Cepat bertindak 3.2	31
Teknik Tomato Pomodoro	31
Cepat bertindak 3.3	34
Teknik CILI	34
Cepat bertindak 3.4	39
<b>BAB 4: RAHSIA KEDUA - AKTIF.....</b>	<b>41</b>
S.H.R.C.	41
Cepat bertindak 4.1	45
M.A.B.E.L	46
Cepat bertindak 4.2	51
<b>BAB 5: RAHSIA KETIGA - KOSONG &amp; KHUSYUK.....</b>	<b>55</b>
Yang tahu ketepikan dulu	55
Cepat bertindak 5.1	58
Uruskan masalah	59
Cepat bertindak 5.2	63
Laju dan perlahan	63
Cepat bertindak 5.3	66
Teknik Mindful	67
Tahap 1: Bernafas dengan sengaja	69
Tahap 2: Ikut nafas turun dan naik	70
Tahap 3: Sedar wujudnya badan	71

Tahap 4: Ketenangan badan	72
Cepat bertindak 5.4	74
Teknik orang Islam	74
Cepat bertindak 5.5	79
<b>BAB 6: RAHSIA KEEMPAT - SEBAB</b> .....	<b>81</b>
Mendakap impian	81
Cepat bertindak 6.1	87
Tujuh sebab	87
Cepat bertindak 6.2	90
Satu sebab lagi	91
Cepat bertindak 6.3	98
<b>BAB 7: RAHSIA KELIMA - ULANG</b> .....	<b>101</b>
Keberkesanan	101
Cepat bertindak 7.1	106
Teknik Feynman	106
Langkah 1: Pilih konsep yang kita nak pelajari	108
Langkah 2: Terangkan kepada budak 12 tahun	108
Langkah 3: Imbas kembali, Perhalusi dan Permudah	109
Langkah 4: Uji, Simpan dan Semak	109
Cepat bertindak 7.2	110
<b>BAB 8: RAHSIA KEENAM - SUSUN</b> .....	<b>113</b>
Tak ada masa	113
Cepat bertindak 8.1	115
Pelaburan masa	115
Cepat bertindak 8.2	122



<b>BAB 9: RAHSIA KETUJUH - AJAR &amp; AMAL.....</b>	<b>125</b>
Ajar	125
Cepat bertindak 9.1	127
Amal	128
Cepat bertindak 9.2	132
<b>BAB 10: RAHSIA KELAPAN - HAYATI.....</b>	<b>135</b>
Teknik pertama Musk	135
Cepat bertindak 10.1	139
Teknik kedua Musk	140
Cepat bertindak 10.2	143
Hasilkan inovasi	144
Cepat bertindak 10.3	146
<b>BAB 11: BONUS - MULA BELAJAR.....</b>	<b>149</b>
Bagaimana saya bermula	149
Mula membaca	152
1. Baca orang	152
2. Baca persekitaran	153
3. Baca trend	154
4. Baca buku	155
Cara seronok belajar	156
1. Pelbagai kaedah	156
2. Fokus pada proses	156
3. Cari kawan	157
4. Jaga kesihatan	157
5. Hadiahkan diri	158

**BAB 12: PESANAN.....161**

*Biodata Penulis.....165*

# Prakata

Syukur ke hadrat Allah kerana telah mengizinkan saya menulis buku ini.

Syukur ke hadrat Allah juga kerana telah menemukan awak kepada buku saya ini.

Saya berharap apa yang awak pelajari dari buku ini dapat memberi manfaat kepada diri awak serta semua orang yang berada di sekeliling awak.

Mas Fawzi

31 Ogos 2022

## NOTA PENAFIAN

*Semua nama-nama yang saya gunakan dalam buku ini, kecuali nama saya dan nama ayah saya, adalah rekaan sahaja, bukanlah nama sebenar.*



# Bab 1: Pengenalan

---

## Belajar jadi pandai belajar

Pertama sekali, saya nak ucapkan tahniah kerana awak telah memilih untuk membaca buku ini. Awak tahu tak? Kita merupakan golongan minoriti di muka bumi ini. Di zaman ini tak ramai yang suka membaca buku. Oleh kerana membaca buku merupakan sesuatu yang sukar, kebanyakan orang memilih jalan yang senang iaitu, tidak membaca buku. Kebanyakan orang lebih gemar menonton video, bermain *games* atau melayan media sosial, berbanding dengan membaca buku.

Tentu awak baca buku ini sebab ada sesuatu yang menarik awak kepada tajuk buku ini kan? Ya. Rahsia nak cepat pandai.

Awak tak perlu rasa malu. Saya faham bagaimana perasaannya. Dahulu masa bersekolah, saya selalu rasa cemburu tengok kawan-kawan saya yang pandai. Belajar sikit terus pandai. Buat kerja sekolah pun laju. Kita pula, pandai tiru je kerja sekolah tu, hanya sebab tak nak kena denda tak buat kerja sekolah. Cikgu-cikgu pun sayang kat kawan-kawan kita yang pandai tu. Asyik dapat puji-pujian. Begitulah dunia.



## **BAB 2: TAK SUSAH**

.....

### **Betulkah belajar itu susah?**

Awak tau tak, persepsi setiap orang tentang belajar ini adalah tidak sama. Ada yang anggap belajar itu sangat susah. Ada orang tu baru belajar sedikit dah tak sanggup nak teruskan. Ada pula yang anggap belajar itu sangat senang. Tak payah suruh pun, dia dengan penuh semangat akan belajar.

Hakikatnya, semua orang sentiasa belajar. Cuma yang membezakannya ialah medium dia belajar. Ada orang suka belajar dalam kelas, ada cikgu, ada kawan-kawan. Ada orang suka belajar dalam makmal, ada peralatan, ada bahan-bahan. Ada orang suka belajar di dapur, sebab dia suka masak. Ada orang suka belajar di tempat makan yang sedap-sedap, sebab dia suka merasai makanan atau minuman. Ada orang suka melancong, sebab dia suka melihat dan merasai tempat, suasana dan budaya yang baharu. Ada orang suka berkawan, sebab dia suka bertukar-tukar fikiran dengan orang lain.

Dulu masa sekolah kita belajar macam-macam, tapi kita tak diajar cara nak belajar dengan betul. Jadi kita



## BAB 3: RAHSIA PERTAMA - TEMPOH

---

### Panjang atau pendek

"Demo jangey ikut Fandi. Dio tu sep bijak. Belajar smeta pehey doh. Dop srupo kito, benok. Molek demo belajar koho-koho, srupo kawe." nasihat Enal kepada Wan, teman sebiliknya di sebuah dorm di salah sebuah MRSM Pantai Timur.

Di dalam kelas harian, Wan duduk sebelah Fandi. Ramai yang cakap Fandi ni genius. Belajar sikit je dah pandai. Dekat dorm pun jarang nampak dia belajar. Kalau ada pun kejap-kejap je. Melihat perkara itu, Wan cuba ikut cara Fandi. Dia pun cuba belajar kejap-kejap je tapi bila ujian, keputusannya kurang memuaskan. Tak cemerlang macam keputusan ujian Fandi.

Atas semangat setiakawan teman sebilik, Enal menasihati Wan supaya ikut cara dia belajar, seperti dalam dialog di atas, iaitu terus menerus (*koho-koho*). Baca ulang-ulang sampai faham macam apa yang Enal amalkan.



## BAB 4: RAHSIA KEDUA - AKTIF

---

### S.H.R.C.

"Mas Fawzi!!!! Apa jawabannya?!!!"

Perlahan-lahan saya membuka mata. Kabur-kabur je nampak baju kurung biru dan tudung *mustard* Cikgu Hamidah (bukan nama sebenar). Beliau sedang memandang tepat ke arah saya. Matanya menjegil sambil kedua belah tangannya mencekak pinggang. *Whiteboard marker* berada di dalam genggam tangan kanannya.

"Bertdiri.. berdiri..." bisik Mat Noor, member sebelah saya. Saya bingkas bangun dan berdiri tegak. Saya toleh ke kiri dan ke kanan. Seluruh kelas memandang saya. Ada yang tersengih ada yang tergelak kecil.

Saya toleh kat Mat Noor sambil buat ekspresi muka "apa jawapan dia hanat?" Mat Noor cuma tersengih. Hawau. Saya toleh ke kawan-kawan yang lain. Semua sengih juga.



## **BAB 5:**

# **RAHSIA KETIGA - KOSONG & KHUSYUK**

.....

### **Yang tahu ketepikan dulu**

Semasa di sekolah rendah, saya bersekolah pada waktu petang. Pada suatu hari tu Cikgu Mazlan (bukan nama sebenar) tengah mengajar subjek sains berkenaan tumbuh-tumbuhan. Selesai menulis di papan hitam, Cikgu Mazlan mula menerangkan apa yang telah ditulisnya.

Sedang beliau menerangkan bagaimana paku-pakis membiak dengan menyebarkan benihnya, tiba-tiba raut wajah beliau berubah. Beliau mematahkan kapur tulis yang dipegangnya sejak tadi, lalu melontarkannya ke arah saya.

Saya tergamam dan langsung tak sempat mengelak.

Mujur tak kena saya.

Kapur itu melepasi sebelah kiri kepala saya lalu saya terdengar bunyi "tuk" yang menandakan kapur itu telah kena pada sesuatu.





# BAB 6: RAHSIA KEEMPAT - SEBAB

.....

## Mendakap impian

Kira-kira 25 tahun dahulu saya pernah tinggal bersama 10 orang dalam sebuah bilik di atas sebuah rumah kedai. Pada masa itu saya baru sahaja mula bekerja. Saya bekerja jauh daripada rumah ibu bapa saya jadi saya terpaksa menumpang di situ untuk beberapa bulan.

Kami yang tinggal di bilik itu bukan datang dari keluarga yang senang. Kalau kami senang tentu kami tak akan pilih untuk bersesak-sesak berkongsi 10 orang satu bilik. Kami semua datang daripada keluarga yang susah. Kami terpaksa berdikari. Tidak boleh mengharapkan sokongan kewangan daripada ibu bapa. Kami terpaksa bekerja demi memenuhi cita-cita dan impian kami. Kami bekerja untuk memenuhi minat kami. Kami mempunyai satu sebab yang sama iaitu menyara hidup kami sendiri. Untuk mencapai impian kami, kami tidak mahu menyusahkan ibu bapa kami. Malah kami mahu beri duit kepada ibu bapa dan keluarga dan menjadi orang yang berguna.



## **BAB 7:**

# **RAHSIA KELIMA - ULANG**

.....

### **Keberkesanan**

Masa kita belajar kat sekolah dulu, selepas belajar mesti ada sesi ulangkaji. Mesti ada sesi latihan. Okey cepat mengaku sekarang, siapa yang tak suka buat ulangkaji selepas dia belajar? Kalau awak ingat awak cuma perlu belajar dan tak perlu ulangkaji maka awak silap. Dalam hal ini saya memang tak dapat nak tolong awak. Ulangkaji ni merupakan salah satu utama rahsia untuk cepat pandai dan ianya sangat penting.

Ada beberapa fakta yang kita perlu tahu berkenaan proses pembelajaran.

1. Selepas kita belajar kita akan mula lupa. Semakin lama kita tinggalkan apa yang kita belajar itu, semakin banyak yang kita akan lupa.
2. Semasa kita belajar itu ada perkara-perkara yang kita tak sempat nak menghubungkan apa yang kita telah pelajari dengan kerangka ilmu yang kita telah ada. Oleh itu, kefahaman kita tentang



## **BAB 8:**

# **RAHSIA KEENAM - SUSUN**

.....

### **Tak ada masa**

Pada tahun 2018, Arnold Schwarzenegger telah menyampaikan satu ucapan yang telah menggegarkan internet. Ia telah menjadi sumber inspirasi dan sumber motivasi kepada ramai netizen. Ia juga telah menjadi salah satu sumber motivasi buat diri saya. Di sini saya ingin kongsi sebahagian darinya.

“Saya rasa macam nak gila bila orang cakap mereka tak ada masa untuk pergi gym dan bersenam selama 45 minit sehari.”

“Atau membuat sesuatu selama 45 minit hingga 1 jam sehari untuk memperbaiki diri sama ada secara fizikal ataupun secara mental.”

“Bayangkan jika awak membaca satu jam sehari tentang sejarah. Berapa banyak yang awak dapat belajar selepas 365 jam dalam satu tahun?”



## **BAB 9:**

# **RAHSIA KETUJUH - AJAR & AMAL**

---

### **Ajar**

Pernah tak masa sekolah dulu cikgu suruh awak baca sesuatu buku? Kemudian cikgu suruh awak terangkan apa yang awak dah baca tu kepada semua murid-murid dalam kelas?

Apa perasaan awak masa baca buku tu? Cuba ingat kembali perasaan awak ketika itu. Tentu awak rasa gementar, rasa tertekan, rasa perlu sangat faham sebab awak akan menerangkan semua yang awak belajar tu kepada kawan-kawan awak yang lain. Betul tak?

Dan sebab tu awak akan baca bersungguh-sungguh, Baca berulang-ulang, sampai awak betul-betul faham. Dan awak akan berlatih untuk menyampaikan apa yang pelajar tu kepada kawan-kawan awak.

Mungkin awak akan rasa, "Kenapalah cikgu ni menyusahkan aku? Dia nak mengelak dari tugas dia ke?"

Jika awak rasa macam tu, buanglah perasaan tu. Sebenarnya cikgu sedang memberi peluang kepada kita.



## BAB 10: RAHSIA KELAPAN - HAYATI

---

### Teknik pertama Musk

Awak pernah dengar nama Elon Musk? Mesti pernah dengar, kan? Hampir mustahil kalau ada *entrepreneur* yang tidak kenal Elon Musk. Elon Musk ni merupakan seorang *entrepreneur* yang paling berjaya pada zaman ini.

Elon Musk ni berasal dari Afrika Selatan. Dilahirkan pada tahun 1971 (51 tahun pada tahun 2022). Ya, kulit dia putih. Dia merupakan pengasas, CEO dan *Chief Engineer* syarikat SpaceX (pereka, pengeluar dan pelancar roket dan kapal angkasa termaju), CEO dan arkitek produk Tesla, Inc (pengeluar kereta elektrik, bateri dan tenaga solar), pengasas The Boring Company (pembuat terowong dan sistem pengangkutan transit antara bandar) dan X.com (sebahagian dari PayPal, syarikat *fintech* multinasional untuk pembayaran dalam talian); serta pengasas bersama syarikat Neuralink, OpenAI, Zip2 dan lain-lain syarikat berteknologi tinggi.



## **BAB 11:**

# **BONUS - MULA BELAJAR**

.....

### **Bagaimana saya bermula**

Ayah saya bekerja sebagai seorang guru. Orang panggil dia Cikgu Ali Shawal. Shawal@Sohal@Soal tu nama datuk saya.

Semasa saya kecil, hampir setiap malam saya akan lihat ayah saya menulis sesuatu di dalam sebuah buku yang tebal dan besar. Dia tulis buku tu dengan penuh ketelitian. Dia tulis cantik-cantik guna huruf bersambung. Dia gunakan pen *Parker* dakwat basah. Dia lakukan setiap malam terutamanya sebelum hari persekolahan.

Saya kagum.

Pada suatu malam tu saya tanya dia, "Abah tulis apa?"

Dia jawab, "Inilah buku persediaan guru-guru untuk mengajar. Semua guru akan tuliskan apa rancangan dia untuk mengajar pada hari esoknya; apakah bahan-bahan yang diperlukan sewaktu mengajar; apakah yang akan diajarkan kepada pelajar-pelajar dia; dan apakah rumusan yang dapat dibuat daripada kelas dia pada hari esok."



## BAB 12: PESANAN

---

Tahniah kerana awak telah berjaya sampai ke bahagian akhir buku ini. Saya ingin merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada awak kerana mempelajari rahsia-rahsia yang saya kongsi dalam buku ini.

Saya percaya dan yakin bahawa masa yang awak habiskan, dan tenaga yang awak gunakan untuk membaca buku ini, untuk belajar macam mana nak jadi cepat pandai, tidak akan sia-sia. Malah, saya yakin bahawa apa yang awak pelajari daripada buku ini akan memberi nilai tambah kepada diri awak walaupun sedikit.

Namun begitu belajar sahaja tidak akan memberi banyak manfaat berbanding jika kita mengamalkan ilmu tersebut. Saya percaya bahawa ilmu yang baik akan membawa kepada amalan yang baik dan akhirnya amalan yang baik itu akan kembali kepada kita dalam bentuk kebaikan.

Banyak yang saya telah kongsi dalam buku ini. Tetapi awak taklah berkewajipan untuk mengamalkan semuanya serentak. Cuba fokus untuk lakukan satu persatu dan sedikit demi sedikit sehingga ianya menjadi

## Biodata Penulis



**MAS FAWZI BIN MOHD ALI.** Beliau dilahirkan pada tahun 1974 di Batu Pahat, Johor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Temenggong Ibrahim dan Sekolah Menengah Dato Bentara Luar, Batu Pahat, Johor. Kemudian, beliau menyambung pelajaran menengah atas di Maktab Sains MARA, Kuantan, Pahang.

Beliau memperoleh Sijil A-Level di Kolej MARA Banting, Selangor, sebelum melanjutkan pelajaran di University of Manchester Institute Science and Technology (UMIST), United Kingdom. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dengan "*honours*" dalam bidang "*Electromechanical System Engineering*" pada tahun 1997.

Beliau mula bertugas sebagai seorang jurutera di Samsung Electronics Display (M) Sdn. Bhd. sebagai "*Calibration Engineer*" dan kemudiannya di Sharp-Roxy Electronics Corporation Sdn. Bhd. sebagai "*Industrial Engineer*". Dalam masa yang sama, beliau juga bertugas sebagai pensyarah sambil di Pusat Komputer Alaf Baru, Batu Pahat, dan mempunyai syarikat perkongsian membina perisian komputer untuk beberapa syarikat di Batu Pahat.



Beliau mengubah kerjaya menjadi ahli akademik pada tahun 2004 dengan menyertai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (KUiTTHO), Batu Pahat, Johor.

Beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana secara penyelidikan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor, dan bergraduan dengan "*Master of Engineering*" dalam bidang "*Mechanical Engineering*" pada tahun 2007.

Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat kedoktoran di University of Tokushima, Japan, dan bergraduan dengan "*Doctor of Engineering*" dalam bidang "*Earth and Life Environmental Engineering*" pada tahun 2012.

Beliau juga telah diiktiraf sebagai "*Chartered Engineer*" oleh Institution of Mechanical Engineers (IMechE), United Kingdom.

Sepanjang kerjaya sebagai ahli akademik selama 18 tahun, beliau telah mengetuai dan menyiapkan lebih 10 buah projek penyelidikan yang bernilai lebih daripada RM800,000. Disamping itu beliau juga sebagai ahli penyelidik telah bersama-sama menjayakan lebih 30 buah projek penyelidikan yang bernilai lebih daripada RM2,000,000. Beliau juga telah menggraduankan 10 orang pelajar PhD dan 5 orang pelajar Master. Beliau juga telah menyelia lebih 50 orang pelajar dalam projek tahun akhir sarjana muda. Beliau juga sebagai penulis utama atau penulis bersama telah menerbitkan lebih 70 buah penerbitan berindex.

Beliau juga adalah salah seorang pengasas dan ahli lembaga pengarah KAFF Synergy PLT, sebuah syarikat terbitan UTHM yang menyediakan penyelesaian kepada isu kecekapan tenaga dan tenaga boleh baharu.

Beliau kini adalah seorang Profesor yang mengajar kelas Termodinamik 1 dan Termodinamik 2 di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, UTHM dan meminati bidang teknologi hijau, bahanapi alternatif dan kawalan pembakaran.

Dalam masa yang sama, beliau juga ialah Penolong Naib Canselor, Strategik dan Kualiti di UTHM, yang bertanggungjawab dalam perancangan strategik, penarafan, pengurusan data, pengurusan risiko, dan pengurusan kualiti universiti.

Connect/Follow saya:



[Mas Fawzi](#)



[masfawz](#)



[Mas Fawzi](#)



[masfawzi](#)